

ANCAMAN TERHADAP PERJUANGAN MENEKAKKAN KHALIFAH

[SN127] Pada bulan Disember tahun 2004, *National Intelligence Council* (NIC), sebuah agensi di bawah rejim Amerika Syarikat (AS) yang bertanggungjawab kepada Presiden AS, telah menulis sebuah laporan yang berjudul “*Mapping the Global Future*” di mana mereka meramalkan empat senario geopolitik dunia menjelang tahun 2020. Salah satu senario yang dibincangkan adalah munculnya “*A New Caliphate*” (Khilafah Baru), sebuah pemerintahan Islam global yang mampu memberikan tentangan pada norma-norma dan nilai-nilai global Barat [http://www.dni.gov/nic/NIC_globaltrend2020_s3.html]. Pada 06/10/05, Ketua Teroris Dunia, George W. Bush, ketika berucap di hadapan hadirin sempena *National Endowment of Democracy* di perpustakaan presiden Ronald Reagan (*The Ronald Reagan Presidential Library*) menyatakan, “*The militants believe that controlling one country will rally the Muslim masses, enabling them to overthrow all moderate governments in the region, and establish a radical Islamic empire that spans from Spain to Indonesia.*” (“Puak militan percaya bahawa dengan mengawal sebuah Negara, mereka akan dapat menggerakkan kaum Muslimin secara besar-besaran, dan ini membolehkan mereka menubuhkan semua kerajaan yang bersifat moderat di rantau tersebut, seterusnya mendirikan sebuah empayar Islam yang radikal yang akan merangkumi Sepanyol hingga ke Indonesia”). Kenyataan yang hampir sama pernah dikeluarkan oleh Donald Rumsfeld, Dick Cheney dan beberapa pemimpin rejim AS yang lain.

Jika diperhatikan, si Bush *la’natullah* dan rakan-rakannya ini tidak henti-henti menggambarkan musuhnya (umat Islam) dengan gelaran teroris, militan, radikal, ekstremis dan pelbagai label lagi dan mereka juga kerap mengaitkan gelaran tersebut dengan usaha mewujudkan sebuah Negara Islam. Satu perkara yang Bush nampaknya cukup takut untuk menyebutnya di khalayak ramai adalah ‘*caliphate*’ (Khilafah), meskipun dia selalu menggunakan istilah ‘*Islamic Empire*’. Dia sedar bahawa jika dia menyebut perkataan ‘*caliphate*’, walau dengan konotasi yang negatif sekalipun, hal ini akan menarik perhatian dunia, sehingga setiap orang di dunia ini *hatta* orang yang tidak pernah mendengar atau jahil sekalipun akan bertanya ‘*apakah caliphate (khilafah) itu?*’ Namun demikian, oleh kerana kebencian dan ketakutan yang cukup mendalam di dalam hatinya terhadap wujudnya Khilafah Islam, maka apa yang terbuku di hatinya tidak dapat disimpang lagi. Si musuh Allah ini akhirnya mengeluarkan pernyataan,

“The danger has not passed. And it’s our job here in Washington, D.C. is to always remember, always remember, the nature of the enemy we face. These people are ideologically driven people. They have a vision as to how government should work. They don’t believe in dissent. They don’t believe in freedom of religion. They don’t believe people should be able to express themselves in the public square. They have a dark vision for humanity. They have a desire to spread their ideology as far and wide as possible to reestablish what they call a caliphate. And they’re willing to use murder as the tool to achieve their objective. You cannot reason with these people, you cannot negotiate with these people. The only way to protect America is defeat them overseas so we do not have to face them here at home.” [George W. Bush pada 13/06/07 di majlis makan malam Presiden, Washington Convention Center, Washington D.C. - <http://www.whitehouse.gov/news/releases/2007/06/20070613-11.html>] (“Bahaya belum lagi berlalu. Dan adalah menjadi tugas kita di sini di Washington D.C. untuk terus ingat dan ingat ciri-ciri musuh yang kita hadapi. Mereka ini adalah orang-orang yang dipandu oleh ideologi. Mereka mempunyai visi bagai manakah sebuah

kerajaan perlu dikendalikan. Mereka tidak percaya kepada perbezaan pendapat. Mereka tidak percaya kepada kebebasan beragama. Mereka tidak percaya bahawa manusia sepatutnya bebas mengeluarkan pendapat di khalayak ramai. Mereka mempunyai visi yang gelap terhadap kemanusiaan. **Mereka berhasrat untuk menyebarkan ideologi mereka sejauh dan seluas mungkin untuk mendirikan semula apa yang mereka panggil sebagai Khilafah.** Dan mereka sanggup melakukan pembunuhan sebagai alat untuk mencapai objektif mereka. Anda tidak boleh berhujah dengan golongan ini, anda tidak boleh berunding dengan mereka. Satu-satunya cara untuk mempertahankan Amerika adalah dengan mengalahkan mereka di luar negara agar kita tidak perlu menghadapi mereka dalam negeri.”)

Sedarlah Wahai Kaum Muslimin!

Sejak kejatuhan Daulah Khilafah pada 3 Mac 1924 bersamaan 28 Rejab 1342 Hijrah, kaum kafir Barat tidak pernah berhenti dari usaha mereka dalam memastikan Daulah Khilafah tidak akan muncul semula. Lama sebelum itu, mereka telah pun berusaha menghancurkan kekuatan

Islam samada dari segi fizikal mahupun pemikiran. Mereka melancarkan pelbagai peperangan, namun apa yang mereka tempuh hanyalah kegagalan demi kegagalan. Mereka melancarkan Perang Salib secara besar-besaran tanpa henti sehingga memakan masa lebih kurang 200 tahun, namun mereka tetap gagal. Kegagalan berterusan yang mereka alami menyebabkan mereka sedar dan seluruh dunia menyedari bahawa Daulah Islam adalah sebuah kekuatan yang mustahil dikalahkan. Namun begitu dendam kesumat dan kebencian yang ada di pihak Barat terhadap Islam tidak pernah pudar. Hasilnya, mereka merancang dan terus merancang bagaimana untuk menghapuskan Daulah Islam dan umat Islam dari muka bumi.

Setelah yakin kekuatan fizikal mereka tidak akan dapat mengalahkan kekuatan Islam, maka Barat mula beralih menggunakan senjata baru, iaitu 'senjata pemikiran'. Dari kajian yang lama dan mendalam, Barat mula sedar bahawa kekuatan umat Islam terletak pada aqidah mereka dan pegangan mereka yang teguh akan hukum-hakam Islam. Aqidahlah yang menyebabkan umat Islam bersatu dan mereka sanggup mati demi mempertahankannya. Justeru, Barat sedar bahawa untuk melemahkan kekuatan umat Islam, mereka mesti menggoncangkan aqidah umat Islam dan menanam keraguan tentang hukum-hakam Islam. Jika umat Islam sudah tidak yakin dengan aqidah dan hukum-hukum Islam, maka kehancuran Islam akan bermula dan ia akan bermula dari dalam tubuh umat Islam itu sendiri. Inilah perancangan Barat. Oleh itu, mereka mula melancarkan serangan pemikiran yang bertubi-tubi terhadap Islam dan mereka menggunakan pelbagai propaganda dalam menjayakan *makar* mereka ini. Barat akhirnya sedar bahawa jika dua golongan yang penting di dalam Islam dapat ditundukkan, maka sudah pasti umat Islam secara keseluruhan akan berada di dalam genggaman mereka. Dua golongan tersebut adalah *umara'* (pemerintah) dan *ulama'*.

Senjata pemikiran inilah yang telah digunakan oleh Barat sehingga jatuhnya Daulah Khilafah pada 28 Rejab 1342H. Mereka mengapi-apikan semangat kebangsaan (*assabiyah*) dan patriotik (*wathaniyah*) ke dalam umat Islam, lalu mereka 'menghadiahkan' kemerdekaan kepada negeri kaum Muslimin satu demi satu. Memberikan kemerdekaan bermaksud membiarkan umat Islam memerintah negara mereka masing-masing dengan batasan bangsa dan kawasan yang telah ditentukan oleh Barat. Perkara ini dihias indah oleh Barat sehingga umat Islam bermati-matian berjuang untuk mendapatkannya. Para pemimpin dan pejuang kebangsaan ini pula, setelah termakan racun pemikiran yang diberikan oleh Barat, telah memandang perjuangan ini sebagai suatu yang 'suci' tanpa menyedari bahawa mereka sebenarnya telah masuk dalam perangkap 'perang pemikiran' oleh Barat. Setelah itu, para ulama pula bangkit, lalu membenarkan dan menyokong perjuangan ini dan seterusnya mereka bersekongkol pula dengan golongan pemerintah dalam menjaga 'kesatuan bangsa (*assabiyyah*) dan kawasan (*wathaniyyah*)' ini. Apabila dua golongan ini berjaya 'dikontrol' oleh Barat, maka hampir sempurnalah kejayaan

Barat dalam menghancurkan umat Islam dan membawa umat mengamalkan Islam mengikut kehendak Barat.

Hasil dari pengkhianatan para pemimpin kaum Muslimin dan terpesongnya para ulama, maka lahirilah golongan umat Islam yang ikhlas berjuang untuk mengembalikan semula kehidupan Islam samada dalam bentuk per individu, bermasyarakat mahupun bernegara. Mereka bangkit untuk menyedarkan saudara-saudara mereka tentang perancangan jahat Barat ke atas umat Islam, mereka membongkar persekongkolan dan kerjasama keji di antara pemimpin kaum Muslimin dan Barat, mereka berjuang untuk menyedarkan sahabat-sahabat mereka yang lain tentang adanya ulama yang tergelincir (dari kebenaran) dan juga *ulama su'* yang 'bekerja' atas kepentingan peribadi dan pemerintah. Golongan ini bangkit di seluruh dunia, menyeru dan terus menyeru, siang dan malam tanpa mengenal penat lelah, tanpa menghiraukan risiko yang bakal menimpa, semata-mata untuk memberikan kesedaran kepada saudara-saudara dan sahabat-sahabat mereka. Mereka berjuang untuk menegakkan semula agama Allah di muka bumi ini, dalam bentuk wujudnya sebuah Daulah Islam yang akan menerapkan Islam secara *kaffah*. Mereka berusaha untuk menggantikan sistem kufur yang mendominasi umat Islam saat ini kepada sistem yang datangnya dari Allah dan Rasul. Mereka mengajak untuk menyatukan semula umat Islam di seluruh dunia sebagaimana umat Islam dulu pernah bersatu di bawah Daulah Khilafah.

Pihak kafir Barat ternyata tidak pernah senang duduk dengan perjuangan untuk mengembalikan semula kehidupan Islam ini. Mereka melakukan apa sahaja, termasuk agen-agen mereka dari kalangan pemerintah kaum Muslimin itu sendiri untuk menghapuskan perjuangan menegakkan kebenaran ini. Mereka sentiasa memastikan agar para pemimpin umat Islam ini bertindak mengikut apa yang mereka kehendaki di dalam 'memerangi' para pendakwah ini. Apa yang perlu Barat lakukan ialah dengan 'membuat satu pertuduhan' atau propaganda, maka, para pemerintah kaum Musliminlah yang akan melaksanakan 'arahan' tersebut. Barat perlu sebut sahaja bahawa 'di negara A ada teroris', maka pemimpin negara A-lah yang akan menangkap dan memerangi teroris tersebut, sebelum Barat sendiri perlu berbuat apa-apa. Inilah kejayaan perang pemikiran dan propaganda yang dilancarkan oleh Barat.

Keganasan Barat

Sebelum kita menjawab pertuduhan oleh Presiden AS ini, marilah kita menyorot kembali tiga ideologi dunia yang mencorakkan '*way of life*' masyarakat dunia. Ideologi kapitalisme muncul di Eropah. Revolusi di Perancis adalah antara mangkin pertumbuhan ideologi ini. Salah seorang dari tokoh revolusi tersebut adalah Maximilian Robespierre, di mana di tangannya sahaja tercatat lebih dari 120 ribu warga Perancis yang dibunuh, termasuk sejumlah cendekiawan dan sasterawan terkenal Perancis, yang menghalang cita-cita revolusinya. Beliau kemudian dijatuhkan hukuman bunuh pada tanggal 27 Julai 1793.

Ideologi komunis juga hakikatnya muncul akibat dari sebuah revolusi berdarah yang menjadi titik kepada perkembangan ideologi komunis dalam kehidupan bernegara. Peperangan dan rusuhan berdarah ini akhirnya menaikkan Lenin sebagai pemimpin Negara Komunis setelah kejayaan Revolusi Bolshevik pada tahun 1917 dimana telah berlaku rampasan kuasa dan tentangan bersenjata dalam proses penggulingan kuasa Tsar. Nikolai II dipaksa turun takhta dan seluruh keluarganya dibunuh. Menyusul dari revolusi ini, Rusia menjadi medan perang saudara selama 3 tahun antara pihak Komunis melawan para pendukung Tsar. Setelah kematian Lenin, Stalin menaiki takhta dan sekitar 20 juta nyawa telah terkorban di tangannya.

Hal yang sama juga sebenarnya di lakukan oleh Bush dalam mempertahankan Ideologi Kapitalisnya. Dia menuduh gerakan Islam sebagai pengganas, walhal dia Ketua Pengganas Dunia. Si kafir inilah yang telah ‘mengganas’ di bumi Iraq, Afghanistan dan lain-lain tempat. Gerakan untuk menegakkan Khilafah dituduhnya sanggup melakukan pembunuhan, walhal sudah ratusan ribu nyawa yang dibunuh oleh si *la’natullah* ini dalam usahanya mengembalikan ‘keamanan’ dunia. Atas tiket menerapkan demokrasi di Iraq, Bush telah mengorbankan hampir 70,000 nyawa, sebahagian besarnya adalah orang awam termasuk wanita dan kanak-kanak [www.iraqbodycount.org]. Ratusan ribu yang lain cedera, hilang tempat tinggal, dilahirkan cacat dan mati akibat kekurangan ubat-ubatan hasil sekatan ekonomi oleh AS. Inilah ‘kesopanan’ perjuangan Bush dalam membawa dan menegakkan demokrasi di tanah umat Islam. Bukankah ini semua merupakan bukti nyata ‘revolusi berdarah’ yang dilakukan oleh Bush sebagai pejuang dan pembembang Ideologi Kapitalis? Hanya kebaculan yang ada pada para pemimpin umat Islam sahaja yang menyebabkan mereka berdiam diri dan enggan mengakui hakikat ini. Akhbar Washington Post (Rabu, 11 Oktober, 2006) sendiri membongkar penipuan Bush dengan kata-kata berikut ‘*It is more than 20 times the estimate of 30,000 civilian deaths that President Bush gave in a speech in December. It is more than 10 times the estimate of roughly 50,000 civilian deaths made by the British-based Iraq Body Count research group.*’ (‘Ianya adalah 20 kali lebih dari anggaran 30,000 kematian orang awam yang diberi oleh Presiden Bush pada bulan Disember. Ianya adalah lebih 10 kali anggaran 50,000 kematian orang awam yang dibuat oleh badan penyelidikan British Iraq Body Count’). Dalam pada itu, angka rasmi tentera AS yang terbunuh dengan hina di Irak adalah seramai 3,524 orang [<http://icasualties.org/oif/>].

Wahai kaum Muslimin! Kami ingin mengingatkan kalian dengan *kalamullah* bahawa kuffar Barat tidak akan pernah berehat di dalam usaha mereka memerangi umat Islam. Walaupun mereka tahu bahawa Hizbut Tahrir sekarang sedang menggerakkan umat untuk mendirikan semula Daulah Khilafah, namun mereka bukannya ingin memerangi Hizbut Tahrir sahaja, tetapi seluruh umat Islam yang tidak sepemikiran dengan mereka. Ingatlah akan firman Allah bahawa, “*Orang-orang Yahudi dan Nasrani*

tidak akan redha kepada kamu hingga kamu mengikuti agama mereka.” [TMQ al-Baqarah:120]. Allah Subhanahu wa Ta’ala juga mengingatkan kita bahawa, “*..mereka tidak henti-henti memerangi kamu sampai mereka (dapat) mengembalikan kamu dari agamamu (kepada kekafiran), seandainya mereka mampu*” [TMQ al-Baqarah (2):217].

Jika kita memandang dengan pandangan Islam, maka kita akan memahami dan menyedari bahawa apa sahaja yang dibuat oleh Barat sebenarnya adalah untuk menghancurkan dan menghapuskan umat Islam. Hal ini jelas nyata dari apa yang dikeluarkan oleh mulut-mulut mereka sendiri dan apa yang tersembunyi di dalam hati-hati mereka adalah lebih busuk dari itu.

Penegakan Daulah Islam Oleh Rasulullah

Selama 13 tahun Nabi Muhammad Sallallahu ‘alaihi wa Sallam berdakwah dan berjuang di Mekah demi untuk menegakkan agama Allah namun ternyata tempat yang ditakdirkan oleh Allah untuk lahirnya Daulah Islam adalah di Madinah, bukannya Mekah. Sepanjang perjuangannya untuk menegakkan Daulah Islam, Rasulullah dan para sahabat tidak pernah menggunakan kekerasan atau tindakan fizikal. Baginda sendiri dimusuhi oleh pemerintah Quraisy dan pelbagai penentangan dilakukan terhadap baginda, namun tidak satu pun dibalas dengan serangan fizikal oleh Nabi Sallallahu ‘alaihi wa Sallam. Apa yang berlaku kepada para sahabat lebih nyata di mana mereka ditangkap, disiksa malah dibunuh, namun sekali lagi, tidak ada seorang pun sahabat yang membalas dengan mengangkat senjata. Rasulullah juga langsung tidak memerintahkan mereka menghadapi pemerintah Quraisy dengan kekerasan, walau betapa berat penyeksaan yang mereka hadapi sekalipun. Apa pun yang berlaku adalah, dakwah yang ditunjukkan oleh Rasulullah dan para sahabat hanyalah berbentuk pemikiran, yakni melawan segala bentuk pemikiran kufur dengan pemikiran Islam berdasarkan wahyu. Ini berlaku sehinggalah ke tahap akhir perjuangan Rasulullah dan para sahabat di Mekah. Meskipun setelah datangnya kaum Aus dan Khazraj (golongan Ansar) memberikan bai’ah di Aqabah, Rasulullah tetap dengan perjuangan dakwah baginda tanpa menggunakan kekerasan sedikit pun. Ini semua menunjukkan bahawa perjuangan dakwah sehingga tertegaknya Daulah Islam hendaklah dilakukan secara pemikiran (intelektual) tanpa kekerasan.

Jika dibandingkan dengan beberapa revolusi di dunia yang memakan jutaan korban, ‘revolusi’ (*inqilab*) yang dilakukan oleh Rasulullah tidak memakan seorang korban pun, dengan kata lain tidak ada seorang pun yang dibunuh oleh Rasulullah atau diperintah oleh Nabi kepada sahabat untuk dibunuh demi melakukan perubahan. Ternyata proses perubahan (*taghyir*) tetap berlaku tanpa melibatkan seorang korban pun. Ini adalah kerana masyarakat diajak untuk melakukan ‘revolusi pemikiran’, bukannya ‘revolusi berdarah’. Rasulullah berjaya meraih sebuah pemerintahan (negara) tanpa baginda menumpahkan setitik darah pun. Malah yang terjadi

adalah sebaliknya, di mana beberapa orang dari sahabatlah yang menjadi korban kepada kejahatan dan kezaliman pemerintah Quraisy. Mereka ditangkap dan dibunuh kerana seruan mereka kepada kebenaran. Mereka terkorban dengan penuh kemuliaan di sisi Allah dan terlebih dahulu pergi menyahut seruan Allah untuk mendapat syurgaNya. Semoga rahmat Allah tercurah ke atas mereka dan ke atas sesiapa sahaja yang mengikut jejak langkah mereka di dalam berjuang menegakkan kebenaran.

Inilah perjuangan yang dilakukan oleh Hizbut Tahrir (HT) di seluruh dunia di mana HT mencontohi perjuangan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah dalam menegakkan Daulah Islam. HT berdakwah tanpa menggunakan apa-apa kekerasan demi mengembalikan semula kehidupan Islam (*isti'naf al-hayah al-islamiyah*) dengan jalan menegakkan *Daulah Khilafah 'ala minhaj nubuwwah*. Barat tahu bahawa sekiranya Daulah Khilafah tertegak semula, maka saat kehancuran mereka sudah tiba. Daulah Khilafah yang akan dipimpin oleh seorang Khalifah akan menyatukan seluruh negeri kaum Muslimin dan melancarkan jihad ke atas Amerika, Israel dan sekutu-sekutu mereka. Daulah inilah yang akan mengembalikan semula kekuatan dan kemuliaan umat Islam di arena politik antarabangsa. Inilah mimpi ngeri Amerika dan musuh-musuh Islam lainnya.

Ketakutan Barat kepada kembalinya Daulah Khilafah semakin hari semakin nyata. Oleh itu, mereka tidak henti-henti meniupkan propaganda bahawa perjuangan menegakkan Khilafah adalah satu keganasan. Ini mereka harap akan menjustifikasikan kepada dunia tindakan keganasan yang mereka telah dan akan lakukan ke atas umat Islam. Oleh itu jika mereka membunuh kaum Muslimin, maka ini bukan salah mereka, kerana mereka sebenarnya memerangi penganas. Taktik kotor ini pada hakikatnya sudah tidak berkesan lagi di dalam mempengaruhi pemikiran umat Islam kerana umat sudah lama menyedari bahawa Baratlah penganas yang sebenar-benarnya. Justeru, apa yang Barat harapkan ialah kerjasama dari para pemimpin dunia Islam di dalam membunuh umat Islam. Barat seterusnya berharap agar pemimpin umat Islamlah yang akan memerangi golongan yang ingin menegakkan Khilafah. Barat tahu bahawa golongan pemimpin ini hanyalah golongan yang mementingkan kekuasaan dan mahu kekal berkuasa. Barat juga tahu bahawa para pemimpin ini hanyalah para pengecut yang akan tunduk kepada kehendak mereka. Oleh itu, walaupun Barat tahu bahawa perjuangan Hizbut Tahrir dalam menegakkan Daulah Khilafah langsung tidak menggunakan kekerasan, mereka tetap cuba mengaitkan perjuangan ini dengan keganasan dan berharap agar pemimpin kaum Muslimin di seluruh dunia Islam akan turut bersama mereka di dalam memastikan Daulah Khilafah tidak akan tertegak.

Wahai kaum Muslimin! Tanah yang kalian pijak ini dianugerahkan oleh Allah dengan pelbagai potensi dan sumber alam. Jika keseluruhan negeri umat Islam bersatu, maka kita akan memiliki sumber alam dan sumber tenaga manusia yang sangat besar. Sekiranya seluruh negara umat Islam bergabung di bawah Daulah Khilafah, ini bererti kita akan dapat mengawal pasaran dan pengaliran minyak dunia. Daulah Islam akan memegang pengendalian atas 60% simpanan minyak dunia, boron (49%), fosfat (50%), strontium (27%), timah (22%), dan uranium yang tersebar di dunia [**Zahid Ivan-Salam, *Jihad and the Foreign Policy of the Khilafah State***]. Secara geopolitik pula, negeri-negeri kita berada di kawasan jalur laut dunia yang strategik seperti Selat Gibraltar, Terusan Suez, Selat Dardanella dan Bosphorus yang menghubungkan jalur laut Hitam ke Mediterranean, Selat Hormuz di Teluk dan Selat Melaka di Asia Tenggara. Dengan kedudukan yang strategik ini, seluruh dunia akan bergantung harap kepada wilayah Islam dalam apa jua urusan di peringkat antarabangsa. Dari segi potensi penduduk juga, bilangan umat Islam yang semakin meningkat dari hari ke hari (sekarang 1.5 bilion) akan memberi satu kekuatan, khususnya di bidang ketenteraan. Melihat kepada segala potensi tersebut, maka wajarlah jika Barat sekarang 'ketar lutut' kerana kelahiran semula Daulah Khilafah sudah pasti akan menghancurkan mereka dari segenap aspek. Oleh itu, agar mimpi ngeri mereka ini tidak menjadi kenyataan, maka Barat terus menerus mengaitkan gerakan Islam global yang ingin menegakkan Khilafah dengan terorisme. Apapun yang Barat lakukan, hakikatnya mereka sudah semakin lemah!

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Sudah menjadi fitrah bahawa seruan kepada kebenaran sudah barang pasti akan mendatangkan ketakutan kepada mereka yang inginkan kebatilan. Justeru, sudah tentulah para penyeru yang menyeru kepada kebenaran akan dihalang oleh golongan kufur, zalim dan fasik. Oleh kerana itu, tidak hairanlah jika para pendakwah yang menyeru untuk menyatukan semula kaum Muslimin di bawah satu bendera '*La ila illallah Muhammad Rasulullah*' akan sentiasa diawasi dan diperangi oleh pihak yang memusuhi Islam dan agen-agen mereka. Sesungguhnya pelbagai tuduhan dan propaganda akan senantiasa dilancarkan oleh musuh-musuh Allah ke atas pejuang di jalan kebenaran. Justeru, kami ingin mengingatkan seluruh kaum Muslimin agar tidak terpengaruh dengan propaganda musuh Allah ini ke atas kita. Janganlah kalian takut dan merasa lemah di hadapan musuh-musuh Allah ini kerana sesungguhnya Allah bersama kita dan mereka bersama syaitan yang terkutuk. Nyawa kita ada di tangan Allah, bukan di tangan mereka. Sesungguhnya Allah menjanjikan kita kemenangan dan syurga manakala Barat dan syaitan menjanjikan kehinaan dan neraka. *Na'uzubillah min zalik.*